

GARIS PANDUAN PENUKARAN STATUS SYARIKAT ASING DI BAWAH SEKSYEN 567(1)(fa) AKTA SYARIKAT 2016

1. PENGENALAN

Syarikat asing yang berdaftar dan berstatus 'Existing' boleh menukar statusnya di Malaysia kepada status baharu, sejajar dengan pertukaran status yang telah dibuat di negara asal.

Hanya ejen yang dilantik secara rasmi oleh syarikat dibenarkan untuk mengemukakan permohonan penukaran status syarikat.

2. PROSEDUR PERMOHONAN PENUKARAN STATUS SYARIKAT ASING

Ejen perlu menyerahkan permohonan penukaran status syarikat di atas talian melalui portal **Corporate Registry System (CRS)** dengan langkah-langkah seperti berikut:

- a. Akses ke portal SSM4U <https://www.ssm4u.com.my/> dengan memasukkan *login ID* dan *password*, kemudian klik ke ikon portal sistem CRS.
- b. Di skrin *dashboard* portal CRS, pilih menu **Application** di bucu kanan atas. Pilih butang **ROC** sebagai entiti transaksi. Di senarai aktiviti serah simpan, klik ke **Incorporation > Post Incorporation > Alteration to Foreign Company Particulars** dan klik ke butang **Apply**.
- c. Masukkan nombor pendaftaran syarikat sama ada dua belas (12) digit atau nombor lama. Tekan butang **Search** supaya sistem memaparkan maklumat nama syarikat untuk semakan pemohon.

- d. Lengkapkan semua maklumat permohonan yang diperlukan.
- e. **Nota:** Tiada fi dikenakan bagi permohonan penukaran status syarikat asing.
- f. Menghantar permohonan secara elektronik melalui sistem.
- g. Semak status permohonan di *dashboard*.

3. PIAGAM PELANGGAN

Satu (1) hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan berserta bayaran fi yang lengkap.

4. KEPUTUSAN PERMOHONAN

SEKIRANYA PERMOHONAN DILULUSKAN

Bagi permohonan yang lengkap dan memenuhi semua keperluan yang ditetapkan, **Notifikasi Keputusan Permohonan** akan dihantar kepada pemohon melalui:

- Menu **View Notification** dalam sistem CRS; dan
- E-mel berdaftar syarikat.

SEKIRANYA PERMOHONAN DIKUERI

Bagi permohonan yang tidak lengkap dan tidak mematuhi peruntukan seksyen berkenaan, pemohon perlu menyemak kueri di:

- Menu **View Notification** dalam sistem CRS; dan
- E-mel berdaftar syarikat.

Pemohon perlu melengkapkan permohonan dan memberikan maklum balas di portal CRS dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh kueri dikeluarkan.

5. MAKLUMAT PENTING

- 5.1 Permohonan berstatus Kueri akan **automatik DITOLAK** jika pemohon gagal melengkapkan dan menghantar semula permohonan dalam tempoh ditetapkan.
- 5.2 Fi yang telah dibayar **TIDAK BOLEH DIBAYAR BALIK** menurut Peraturan 8(4), Peraturan-Peraturan Syarikat 2017.
- 5.3 Permohonan penukaran status syarikat **perlu difailkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penukaran status di negara asal.** sebarang kelewatan akan dikenakan bayaran lewat serah simpan.